

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 12 TAHUN 2023**

**Tarikh** : **22 Disember 2023 (Jumaat)**

**Masa** : **9.00 pagi – 10.45 pagi**

**Tempat** : **Laman Kenanga, Aras 1  
Bangunan MBSJ**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

**2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN DISEMBER 2023**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Disember 2023 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

### 3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang terakhir bagi tahun 2023. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat yang telah disampaikan oleh Pemimpin Kerajaan iaitu YAB Perdana Menteri Malaysia. Sewaktu Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri pada 11 Disember 2023 bertempat di Dewan De' Seri Endon, YAB Perdana Menteri telah menyampaikan amanat kepada hadirin tentang kepentingan nilai akhlak yang tidak harus dilupakan pada zaman kecanggihan teknologi masa kini.

Walaupun terdapat 'kuasa' di media sosial, nilai akhlak tidak harus dipandang enteng dan hilang sifat saling-menghormati sesama ihsan seperti diterapkan dalam konsep Malaysia MADANI. YAB Perdana Menteri mahu prestasi cemerlang penjawat awam diteruskan tahun hadapan dengan menerapkan nilai-nilai baik dalam pentadbiran serta tidak mengamalkan budaya selesa. Nilai-nilai baik yang mendasari Malaysia MADANI, mampu mengangkat martabat dan darjat negara.

Oleh itu, penjawat awam perlu sentiasa memperbaiki diri dan mencari ikhtiar meningkatkan produktiviti, serta mengelakkan

daripada kelemahan dan kekurangan. Walaupun dalam usaha negara untuk menggapai langit bagi mencapai kemajuan dalam beberapa bidang baharu seperti kecerdasan buatan, digital dan tenaga baharu namun penjawat awam perlu menjadikan asas agama, akhlak, budaya dan nilai untuk mengakar bumi.

- ii) Seterusnya amanat YAB Perdana Menteri semasa berucap dalam Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan tahun 2023 pada 7 Disember 2023 bertempat di Penampang Sabah, menyentuh mengenai keperluan untuk membangunkan warung serta gerai rakyat yang bersih dan indah sekali gus dapat menjadi tarikan yang berkesan kepada pengunjung dan juga pelancong.

Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara diseru untuk merealisasikan usaha ini kerana sebahagian besar rakyat atau pelanggan masih memilih lokasi berkenaan berbanding restoran-restoran mewah. Harus ada tekad daripada semua pihak untuk memastikan negara kita dikenali dengan warung, gerai dan restoran bersih sebagai mercu tanda, tidak hanya gedung pencakar langit atau hotel lima bintang semata.

Selain itu, PBT juga harus memberi tumpuan kepada keindahan landskap taman di setiap bandar, lalu mengekalkan bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah di negara ini dalam membangun kota warisan. Langkah ini penting bagi terus

mempertahan nilai sejarah dalam setiap projek raksasa yang ingin dijalankan, selain memastikan pelan pembangunan direncana dengan baik demi memastikan kesejahteraan rakyat.

- iii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan Program Pelancaran Manual Prosedur Penyempurnaan Waran Tangkap dan Pelaksanaan Kuasa-Kuasa Tangkapan Tanpa Waran Di Bawah Peruntukan Undang-Undang MBSJ yang telah diadakan pada 13 Disember 2023. Majlis ini telah dihadiri oleh Puan Majistret Mahkamah Majistret (Munisipal) Subang Jaya, Timbalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya dan wakil-wakil daripada Balai Polis Cawangan Subang Jaya dan Serdang.

Manual ini telah diterbitkan dengan kerjasama Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Kubu Bharu dan telah diperakukan oleh mantan Komandan Maktab, YDH Tuan SAC Risikin bin Satiman. Manual ini telah menggariskan ;

- a. Peruntukan dan prinsip perundangan serta sistem keadilan jenayah di Malaysia;
- b. Teknik dan prosedur tangkapan berwaran dan tangkapan tanpa waran;
- c. Hak-hak asasi orang yang disyaki bersalah atau ditangkap; dan
- d. Hak pegawai Majlis untuk mempertahankan diri daripada ancaman pesalah.

MBSJ berharap agar manual ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh Pegawai Waran Tangkap Majlis untuk membuat tangkapan terhadap mana-mana Orang Kena Saman yang gagal hadir ke Mahkamah selepas saman disempurnakan serta panduan kepada Pegawai Penyiasat dan Anggota Penguatkuasa Majlis dalam membuat tangkapan tanpa waran terhadap orang awam yang didapati melakukan kesalahan di antaranya pembuangan sampah dan menyebabkan halangan di tempat awam.

Dengan wujudnya manual ini akan dapat meningkatkan tahap kecekapan penguatkuasaan MBSJ ke arah penguatkuasaan yang lebih holistik dan berkesan. MBSJ ingin menegaskan kepada semua Orang Kena Saman dan orang awam agar sentiasa menghormati peruntukan undang-undang Majlis dan Majlis tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan.

- iv) Seterusnya pemakluman berkenaan lawatan kerja rasmi ke Pasar Bazar Rakyat Di Jalan SK 6/1 Seri Kembangan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan pada 28 Disember 2023, hari Khamis, jam 10.00 pagi bagi meninjau keadaan semasa dan tindakan perlaksanaan projek yang telah diperuntukkan sekali gus meluangkan masa menyantuni peniaga-peniaga di kawasan tersebut.

Kerja-kerja penambahbaikan dan baik pulih di lokasi ini telah siap sepenuhnya pada 7 November 2023 dan kerja-kerja yang telah

dilaksanakan adalah termasuk pemasangan gerai berkunci A & B, mengecat dinding dan jeriji besi, membaik pulih longkang dan tandas awam.

- v) Seterusnya, pemakluman berkenaan program penanaman pokok yang diberi nama *Pledge And Plant A Tree (PAPAT) 2023* di Tanah Lapang Awam BK 3/1 pada 13 Januari 2024, hari Sabtu. Program PAPAT yang dimulakan sejak tahun 2008 telah menyumbang kepada penanaman pokok di bandar-bandar di negara ini dengan penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan, Syarikat Korporat, komuniti dan individu. PAPAT 2023 oleh MBSJ ini adalah *Corporate Social Responsibility (CSR)* khas dengan kerjasama Malaysian Institute of Planner (MIP).

Tujuan program adalah untuk menyahut saranan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dengan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dalam tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025. Pokok-pokok yang terlibat akan didaftarkan atas nama penaja di laman sesawang Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.

Program ini juga akan membantu Majlis menghijaukan bandar selaras dengan saranan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan karbon (CO<sub>2</sub>) sebanyak 45% dan menjadi Bandar Rendah Karbon pada tahun 2030. Terdapat 35 batang pokok akan ditanam di sekitar Kawasan Tanah Lapang Awam BK 3/1. Program ini akan

dirasmikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Ahli Dewan Negeri Selangor merangkap EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti. Sebanyak 7 pemaju perumahan terlibat sebagai penaja korporat dalam program ini dengan kutipan sebanyak RM 45,000.00 secara keseluruhan.

- vi) Datuk Bandar memaklumkan bahawa, Anugerah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ tahun 2023 akan diadakan pada 19 Januari 2024, hari Jumaat jam 8.00 malam hingga 10.00 malam bertempat di Summit Hotel, Subang Jaya.

Program ini dilaksanakan bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada Majlis Perwakilan Penduduk tahun 2023 dalam usaha membentuk masyarakat madani seiring dengan Pelan Strategik MBSJ 2020-2025. Sebanyak 8 kategori anugerah yang telah dinilai bagi tahun 2023 akan disampaikan melibatkan 3 pemenang setiap kategori iaitu:

<b>BIL</b>	<b>NAMA ANUGERAH</b>
i.	Anugerah Program Kemasyarakatan MPP MBSJ Terbaik
ii.	Anugerah Pengurusan Inden MPP MBSJ Terbaik
iii.	Anugerah Kejiranan Hijau MPP MBSJ Terbaik
iv.	Anugerah Program Alam Sekitar MPP MBSJ
v.	Anugerah Pengurusan Pentadbiran MPP MBSJ
vi.	Anugerah Pangsapuri & Kampung Angkat MPP MBSJ Terbaik
vii.	Anugerah MPP MBSJ Inovatif Terbaik
viii.	Anugerah MPP MBSJ Terbaik Keseluruhan Tahun 2023

- vii) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-50, kes demam denggi telah mencatatkan kumulatif kes sebanyak 7,619 kes. Terdapat peningkatan kes demam denggi sebanyak 42% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada tahun lepas di minggu epid yang sama iaitu sebanyak 4,344 kes.

MBSJ telah melaksanakan kawalan pemeriksaan tempat pembiakan, larvasiding dan semburan kabus di kesemua lokaliti wabak. Penduduk diminta menjalankan kempen 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat pembiakan bagi memastikan tiada takungan air yang boleh menjadi punca pembiakan Aedes. Selain itu, pihak komuniti turut digalakkan menjalankan aktiviti gotong royong bagi memusnahkan tempat pembiakan Aedes. Sekiranya terdapat gejala demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera di klinik-klinik dan hospital terdekat.

- viii) Datuk Bandar mewakili seluruh warga kerja MBSJ juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua penganut agama Kristian serta penduduk di kawasan pentadbiran MBSJ yang merayakannya.

Datuk Bandar juga turut mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 yang akan tiba 9 hari lagi. Semoga tahun mendatang lebih menjanjikan kebahagiaan, keceriaan, keharmonian dan kesejahteraan daripada tahun sebelumnya.



- ix) Selain itu juga, Datuk Bandar turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi- tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Majlis MBSJ di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan bagi penggal 2023 yang akan tamat pada 31 Disember 2023. Bagi Ahli Majlis yang tidak disambung perkhidmatan, diharap semoga kerjasama erat ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang. Segala sumbangan, idea dan tenaga yang diberikan sepanjang perkhidmatan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

#### **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 11/2023**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2023 bertarikh 22 November 2023 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

#### **5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 11/2023**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2023 bertarikh 22 November 2023 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

## **6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

### **6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan Dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 22/2023 Bertarikh 21 November 2023**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### **6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 23/2023 Bertarikh 7 Disember 2023**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### **6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2023 Bertarikh 12 Disember 2023**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2023 Bertarikh 12 Disember 2023**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2023 Bertarikh 13 Disember 2023**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan Dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2023 Bertarikh 14 Disember 2023**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.2 &	Tuan Ar.	Laporan Jabatan	Beliau mencadangkan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
	m/s 6	Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim / Encik M. Anbarasan a/ Murugesu / Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	Kesihatan bagi bulan November 2023	<p>perkara berikut bagi mengatasi masalah anjing terbiar :</p> <p>i) MBSJ perlu memikirkan tindakan yang lebih proaktif.</p> <p>ii) Mencadangkan supaya masalah anjing terbiar diserahkan kepada pihak ketiga iaitu NGO / swasta bagi penangkapan dan pengurusan anjing terbiar. MBSJ hanya perlu membayar kadar yang berpatutan kepada pihak tersebut.</p> <p>iii) Mengkaji undang-undang sedia ada bagi membolehkan pihak Majlis mengambil tindakan terhadap pemberi makanan kepada anjing terbiar.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p><b>Maklum balas mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Kesihatan meneliti dan mengkaji cadangan yang diberikan bagi mengatasi masalah anjing terbiar di kawasan pentadbiran MBSJ.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Kesihatan</b></p>

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan Dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2023 bertarikh 15 Disember 2023**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 3	Encik Mohan Singh a/l Surtar	Pembentangan Taklimat Berkenaan Struktur	Beliau meminta supaya catatan minit mesyuarat ditambah seperti berikut : 'Cadangan struktur baharu akan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		Singh	Telekomunikasi di Kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya Oleh : Yakin Telesel Sdn.Bhd. (YTSB)	ditangguhkan sehingga penambahbaikan terhadap garis panduan / manual disiapkan.  <b>Maklum balas mesyuarat :</b>  Mesyuarat meminta Urusetia Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan Dan Kemudahan Awam membuat pindaan minit seperti yang dinyatakan. Mesyuarat memaklumkan MBSJ akan menangguhkan pembinaan struktur baharu sehingga kelulusan diberikan serta garis panduan baharu disiapkan.  <b>Tindakan :</b>  <b>Jabatan Kejuruteraan</b>
2.	Para 4.1 & m/s 8	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Perkara-perkara Berbangkit	Beliau meminta supaya Majlis menyelesaikan isu masalah banjir di Dataran Mutiara dengan mengadakan perbincangan bersama pihak pemaju.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p><b>Maklum balas mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa perbincangan bersama pemaju bagi mencari penyelesaian terhadap isu banjir di Dataran Mutiara akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Jabatan Kejuruteraan akan menyediakan cadangan kaedah penyelesaian terhadap isu ini.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>

**6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar  
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2023 Bertarikh  
18 Disember 2023**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## **7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT / KERTAS MAKLUMAN**

### **7.1 Kertas Cadangan Penyewaan Di Atas Lot 78894, Jalan Layang-Layang 2, Mukim Petaling, Daerah Petaling Kepada KPT Recycle Sdn. Bhd.**

**(Kertas Mesyuarat Bil. 18/12/2023)**

-----

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan dibentangkan oleh Puan Sr. Aida binti Omar, Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta.

#### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan kertas cadangan penyewaan di atas Lot 78894, Jalan Layang-Layang 2, Mukim Petaling, Daerah Petaling kepada KPT Recycle Sdn. Bhd bagi tujuan Pusat Kitar Semula dengan terma-terma seperti berikut :

- i) Tempoh penyewaan selama tiga (3) tahun bermula 1 Februari 2024 hingga 31 Januari 2027 untuk memberi ruang kepada syarikat Kong Mee Trading Co. bagi membersihkan dan mengosongkan tapak.
- ii) Kadar sewa adalah RM8,500.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Ribu Lima Ratus Sahaja) sebulan atau RM102,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Dua Ribu Sahaja) setahun bagi keluasan tapak 1,629 meter persegi.



- iii) Cagaran sewa untuk tempoh dua (2) bulan berjumlah RM17,000.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Belas Ribu Sahaja) dan cagaran utiliti berjumlah RM3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Sahaja).
- iv) Pihak syarikat KPT Recycle Sdn. Bhd. diberikan pengecualian bayaran sewa untuk tempoh satu (1) bulan bagi tujuan proses mendapatkan kelulusan teknikal (Kebenaran Merancang dan lain-lain yang berkaitan).
- v) Aktiviti perniagaan yang dibenarkan hanya terhad kepada Pusat Kitar Semula sahaja.
- vi) Pihak penyewa perlu mendapatkan kelulusan daripada jabatan teknikal dalaman MBSJ yang melibatkan struktur sementara di tapak, termasuk permohonan permit sementara, kebenaran merancang serta permohonan lesen perniagaan dan iklan serta keperluan-keperluan lain yang berkaitan.
- vii) Pihak penyewa hanya dibenarkan untuk menggunakan dan menjalankan aktiviti di atas tapak yang disewakan sahaja. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran ditarik balik.
- viii) Pihak syarikat adalah terikat dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian sepanjang tempoh penyewaan ini.

**Tindakan :**

**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**7.2 Kertas Cadangan Pembayaran Saguhati Kepada Ahli Majlis Sesi 2023 Yang Telah Tamat Lantikan (Kertas Mesyuarat Bil. 19/12/2023)**

-----

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan MBSJ.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan kertas cadangan pembayaran saguhati kepada Ahli Majlis sesi 2023 yang akan tamat lantikan pada 31 Disember 2023.

Seramai 23 orang Ahli Majlis layak mendapat saguhati satu bulan Elaun Tetap iaitu RM 2,500.00 kerana berkhidmat selama 12 bulan mengikut penggal yang dilantik iaitu 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023, manakala seorang Ahli Majlis, Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy akan dibayar saguhati yang dikira mengikut prorata berkhidmat selama 355 hari (11 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023) dan layak menerima saguhati sebanyak RM 2,431.50.

**Tindakan :  
Jabatan Khidmat Pengurusan**

## 8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Ahmad Danish bin Hairudin, wakil daripada Parti PKR.

## 9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.45 pagi.

Tarikh Disediakan : 26 Disember 2023

**" #KITASELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MALAYSIA MADANI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

Disediakan oleh;




**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N**

Timbalan Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

Disahkan oleh;



**(DATO' HJ. MOHD FAUZI BIN HJ. MOHD YATIM), D.S.I.S, S.M.S**

Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

**LAMPIRAN**

**HADIR**

1. YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi Bin Hj. Mohd Yatim, D.S.I.S, S.M.S- Pengerusi  
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. - Setiausaha  
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. YBrs.Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N , P.J.K.  
Timbalan Setiausaha

**HADIR (AHLI MAJLIS)**

4. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - Ahli Majlis
5. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
6. Encik Thomas Low Yew Sin - "
7. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - "
8. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
9. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
10. Encik Teh Eng Teck - "
11. Puan Lee Jen Uyin - "
12. Puan Ng Seow Chen - "
13. Encik Thong Kim Fatt - "

- |     |                                   |   |   |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 14. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim      | - | " |
| 15. | Encik Wong Yii Seang              | - | " |
| 16. | Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin | - | " |
| 17. | Puan Sarawati binti Mukhtar       | - | " |
| 18. | Encik Pravin a/l Murali           | - | " |
| 19. | Encik Tah Yap Keong               | - | " |
| 20. | Encik Ahmad Danish bin Hairudin   | - | " |
| 21. | Puan Tanujah a/p Debul Singh      | - | " |
| 22. | Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha | - | " |
| 23. | Encik Khairol Basri bin M.Arif    | - | " |
| 24. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |

**(PEGAWAI MBSJ)**

- |     |  |
|-----|--|
| 25. | Tuan Hj. Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S.<br>Pengarah, Jabatan Perbendaharaan           |
| 26. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff<br>Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan                     |
| 27. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.<br>Pengarah, Jabatan Undang-Undang            |
| 28. | Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM<br>Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
-

29. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
  30. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
  31. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CEO  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
  32. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
  33. Ts.Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
  34. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
  35. Sr. Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
  36. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB
  37. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid  
Pengarah, Unit Audit Dalam
  38. TPr Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
  39. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaaii  
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
  40. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
  41. Puan Emilia Binti Nasir, CEO  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
-

42. Puan Noryana binti Samsudin  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
43. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

**URUSETIA**

44. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik Chia Yew Ken - "
3. Encik Muhammad Fauzan bin Rosli - "
4. Puan Sarina binti Saad  
Pengarah, Jabatan OSC
5. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

